



1. “NETWORK ACCESSIBLE WEB HELP DESK SYSTEM (NAWHDS)”

Kumpulan “MUSAEADAT JPPK”

Jabatanarah Pembangunan & Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan

**AHLI-AHLI**

Dayang Hjh Wan Farhani Binti Hj Suhaili, Penolong Pengarah

Dayang Zalinah Binti Mohd. Ibrahim, Pegawai Projek Kanan

Dayang Nor A'uyun Binti Hj Talib, Pegawai Projek

Pengiran Muhammad Zulfadli Bin Pg Hj Maidin, Pembantu Teknik Kanan

15612 BK Hj Muhd Hasbi Ashsiddieqy Bin Hj Salleh, Pembantu Teknik Kanan

**SINOPSIS**

Diantara inisiatif Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja (JPPK), Kementerian Pertahanan dalam memperbaharui serta menambahbaik proses-proses kerja dan pemantauan sistem, merekod atau pemfailan dan juga memastikan pengguna berpuashati dengan perkhidmatan yang disediakan bagi proses-proses permohonan kerja aset-aset pembangunan dan pemeliharaan di Kementerian Pertahanan, satu sistem mejabantu *Network Accessible Web Help Desk System (NAWHDS)* telah dikenalpasti dan dilaksanakan.

Objektif projek *NAWHDS* ini adalah bagi mendigitalkan proses permohonan kerja yang telah dilaksanakan secara manual kepada secara automatik, menyelaraskan proses-proses permohonan, menambahbaik interaksi dan komunikasi diantara JPPK dan pengguna serta meningkatkan lagi kecekapan keseluruhan JPPK.

Selain itu, *NAWHDS* berfungsi sebagai bantuan kepada pengguna bagi permohonan-permohonan kerja pembangunan dan pemeliharaan melalui *centralized platfom*. Sistem ini adalah *friendly user approach* yang mana pihak pengguna boleh menghadapkan permohonan kerja melalui ID tiket yang telah ditetapkan secara automatik, menjejak status tiket bagi perkembangan kerja yang telah dipohonkan, menerima kemaskini makluman yang tepat tentang pertanyaan yang dikemukakan dan komunikasi dengan kakitangan JPPK dalam masa-nyata (“*real-time*”). Ianya juga adalah untuk merekod kesemua aduan dan permohonan daripada pihak pengguna mengenai bangunan dan infrastruktur Kementerian Pertahanan ke dalam sistem *centralized*, yang mana ini membolehkan JPPK untuk mengurus dan mengutamakan tugas dengan lebih berkesan serta menyediakan laporan metrik prestasi utama.

Dengan pelaksanaan *NAWHDS* ini, JPPK boleh mengurangkan masa tindak balas, menambahbaik kepuasan pengguna, meningkatkan keberkesanan dan kecekapan “*check and balance*” dalam proses kerja serta meningkatkan produktiviti. Oleh itu, ianya membolehkan JPPK memperbaiki perkhidmatan dan memastikan objektif Jabatanarah ini dapat dicapai supaya bangunan dan infrastruktur fizikal tetap kekal berkesan dan beroperasi bagi memenuhi keutamaan operasi Kementerian Pertahanan.

**KEMENTERIAN KESIHATAN**



**1. "IMPLEMENTATION OF BLOODKAD MOBILE APPLICATION THROUGH PUBLIC-PRIVATE PARTNESHIP"**

Kumpulan "Hemaheroes"

Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan

**AHLI-AHLI**

Dr Zainun Binti Zaini, Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan Makmal  
Dr Hjh Nor Azian Binti Hj Hafneh, Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan Makmal  
Dayang Chong Kim Moi, Pegawai Saintifik Kanan  
Awang Teo Shyh Kheng, Pegawai Saintifik Kanan  
Awang Muhd Shahrune Bin Hj Saparudin, Pegawai Saintifik  
Dayang Nurilah Binti Md Yanie, Pegawai Penyelia Makmal  
Dayang Nur Afiqah Binti Abdullah, Pegawai Saintifik

**SINOPSIS**

Aligned with Wawasan Brunei 2035's vision of "High Quality of Life" and Ministry of Health's Strategic Goal-"Excellence in Health Care Services" (2019-2023), Department of Laboratory Services is committed to achieve "Excellence in Clinical Laboratories". One of the outlined action plan is to ensure an adequate supply of safe blood and blood products by maintaining the percentage of blood donors meeting WHO criteria of 1% to 3% of total population. To address this, Blood Donation Centre initiated the implementation of a novel mobile application, known as "Bloodkad".

Bloodkad revolutionises blood donation by seamlessly connecting donors, public and blood banks across Brunei Darussalam. Bloodkad enables users to access donation information; facilitates donor registration; delivers timely alerts; optimises appointment scheduling; and enables donors to complete assessment prior to visiting blood donation centres. Its real-time communication feature fosters connectivity between donors and blood banks, facilitating alerts ,emergencies and awareness campaigns.

Embracing collaboration through public-private partnership with Nextacloud Technologies, driven by the mission to address global challenges through impactful IT solutions as well as aimed to alleviate blood scarcity and to enhance donor convenience in Brunei Darussalam, both entities successfully developed Bloodkad without any cost to the Government.

Bloodkad underwent successful pilot testing in 2017 and 2018 and this paved the way for its evolution to current version 3.0.

## SINOPSIS KERTAS PROJEK ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP) 2024

Today, Bloodkad has gained widespread adoption and is positioned for expansion across Brunei Darussalam, marking a significant progress towards ensuring a stable blood supply for the nation's healthcare needs.



### 2. “WORKPLACE HEALTH PROMOTION WEBSITE”

Kumpulan “Unit Tempat Kerja Sihat”

Unit Tempat Kerja Sihat, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan

#### AHLI-AHLI

Dr Bibina Tuty Umaira Binti Hj Abd Hamid, Pegawai Perubatan

#### SINOPSIS

Projek ini adalah mengenai pembangunan dan pelaksanaan laman sesawang WHP (**Workplace Health Promotion**), satu inisiatif penting di bawah memorandum persefahaman antara Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC Sdn Bhd. Objektif utama projek adalah untuk meningkatkan literasi kesihatan di kalangan perkhidmatan awam dengan menawarkan kursus atas talian yang memfokuskan kepada gaya hidup sihat dan pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD). Projek ini bertujuan mencapai kadar penyertaan 10% di kalangan perkhidmatan awam di setiap kementerian dan menyediakan modul komprehensif mengenai pemakanan sihat, aktiviti fizikal, pencegahan tembakau, dan kesihatan mental. Laman sesawang WHP ini berfungsi sebagai platform untuk menyebarkan maklumat kesihatan terkini dan memudahkan pendaftaran serta penyertaan kursus atas talian yang ditawarkan oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Program WHP menggalakkan persekitaran tempat kerja yang sihat, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan pekerja perkhidmatan awam, dan menggalakkan pilihan gaya hidup yang lebih sihat. Program WHP telah mula diperkenalkan pada tahun 2010 dan disokong oleh pelbagai syarikat swasta sejak 2013. Permintaan berterusan daripada orang awam, pihak berkepentingan, dan syarikat swasta untuk ceramah kesihatan di tempat kerja menunjukkan keperluan untuk penyelarasan yang lebih baik dan pelaksanaan yang sistematik. Kejayaan projek ini bergantung pada pemasaran yang berkesan, pemantauan berkala, dan penambahbaikan berterusan untuk memastikan penglibatan dan kepuasan pengguna terutama sekali kakitangan perkhidmatan awam. Tambahan pula, pembangunan laman sesawang ini memerlukan perancangan yang teliti dari segi reka bentuk, fungsi, dan pengalaman pengguna, memastikan ia memenuhi keperluan pengguna sambil memupuk tenaga kerja yang lebih sihat dan produktif.

## SINOPSIS KERTAS PROJEK ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP) 2024

### KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



#### 1. "LIFESAVER 995"

Kumpulan "Rescuer 995"

Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

#### AHLI-AHLI

Awang Syu'aib bin Kifli, Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'G'  
Dayang Siti Masnur Juraini Binti Jini, Ketua Pusat Gerakan  
Pengiran Mohammad Ali Rahman Bin Pg Hj Salleh, Ketua Bahagian Perhubungan Awam Bomba

#### SINOPSIS

Jabatan Bomba dan penyelamat telah mula menawarkan Kursus *Lifesaver 995* pada tahun 2019. Kursus *Lifesaver 995* adalah antara kursus di dalam Program Kesedaran Awam yang dibukakan kepada seluruh penduduk di Negara Brunei Darussalam. Kursus ini adalah percuma dan mengambil masa setengah hari sahaja dimana ianya menjurus kepada pengetahuan mengenai keselamatan umum, pencegahan dan persediaan menghadapi kebakaran api kecil.



#### 2. "NATIONAL LABOUR MANAGEMENT SYSTEM (NLMS)"

Kumpulan "NLMS"

Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

#### AHLI-AHLI

Awang Muhammad Saufi Bin Haji Ibrahim, Pesuruhjaya Buruh  
Awang Haji Shariful-Bahri Bin Haji Sawas, Timbalan Pesuruhjaya Buruh  
Awang Haji Muhd Dani Bin Haji Abd Wahab, Penganalisa Sistem  
Awang Maha'adi Bin Mohd Aiani, Penolong Pesuruhjaya Buruh  
Dayangku Aliana Binti Pg Haji Abdullah, Pegawai Pentadbir Tingkat 1  
Dayang Siti Samiah Binti Haji Ismail, Penolong Pegawai Kerja Tingkat 1

### SINOPSIS

National Labour Management System (NLMS) ini akan meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pemrosesan terutama sekali bagi permohonan LPA (Lesen Pekerja Asing) dan LPD (Lesen Pekerja Domestik) di Jabatan Buruh. Sistem NLMS ini akan mengautomasikan proses dalaman, memusatkan data, menyediakan laporan yang tepat, serta berintegrasi dengan pihak berkepentingan lain. Selain itu, sistem NLMS mempunyai beberapa modul yang lain bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan ini. Modul-modul tersebut adalah:

1. Lesen Pekerja Asing (LPA)
2. Lesen Pekerja Domestik (LPD)
3. Agensi Pekerjaan (EA)
4. Kewangan (FIN)
5. Statistik (STATS)
6. Pampasan (COMP)
7. Penguatkuasa Undang-Undang (LED)

Bagi tujuan Anugerah Inovasi Perdana (AIP) ini, fokus akan diberikan kepada modul LPA dan LPD kerana kedua modul ini adalah permohonan yang utama bagi Jabatan ini. Dalam penyediaan sistem ini, beberapa aktiviti utama telah dikenalpasti, iaitu:

- **Pemusatan Data:** Membina pangkalan data tidak silo untuk memastikan data dapat diakses dengan mudah.
- **Perkhidmatan Atas Talian:** Menyediakan e-perkhidmatan untuk memudahkan pengguna mengakses perkhidmatan secara atas talian.
- **Penyelarasan Proses:** Memperkemas kini aliran proses semasa untuk meningkatkan kecekapan.
- **Latihan:** Menyediakan latihan kepada pengguna untuk memastikan penggunaan sistem yang efektif.

Dalam hubungan, manfaat bagi sistem ini dikategori kepada dua, iaitu kualitatif dan kuantitatif.

- **Manfaat Kualitatif:**
  - **Kepuasan Pengguna:** Akses kepada perkhidmatan yang lebih mudah iaitu secara atas talian.
  - **Penyelarasan Usaha dan Peningkatan Produktiviti:** Mengurangkan masa dan usaha dalam pemrosesan permohonan.
- **Manfaat Kuantitatif:**
  - **TPOR:** Dapat diukur berapa lama permohonan diproses.
  - **Waktu Menunggu:** Mengurangkan waktu menunggu untuk pemohon di kaunter.
- **Kekerapan Lawatan:** Mengurangkan kekerapan lawatan pemohon ke kaunter di Jabatan/Cawangan.
- **Lesen Tanpa Kertas:** Memperkenalkan lesen dalam format digital.
- **Pengurangan Dokumen Fizikal:** Mengurangkan penggunaan kertas dalam proses permohonan.

Dengan pelaksanaan sistem NLMS ini, Jabatan Buruh akan meningkatkan ketelusan proses bagi pihak berkepentingan, dan menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien dan responsif.



**2. “BRUNEI DIGITAL E-ARRIVAL CARD”**

Kumpulan “EAC Team (E.T)”

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

**AHLI-AHLI**

Awang Haji Hairone Bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Imigresen

Awang Amir Bin Ringgit, Ketua Pegawai Imigresen Kanan

Awang Supian Bin Haji Mohd Yussof, Pemangku Penolong Pegawai Perangkaan

Awang Mohammad Idzuan Bin Md. Hashim, Pegawai Imigresen Kanan

Awang Mohammad Norkharimmin Bin Zakaria, Pegawai Imigresen

**SINOPSIS**

Projek Brunei Digital E-Arrival Card merupakan satu inisiatif memperbaiki proses pengisian deklarasi maklumat bagi pelawat asing yang tiba di Negara Brunei Darussalam. Projek ini juga merupakan salah satu transformasi dan perubahan ke arah penambahbaikan proses kerja yang ada pada masa ini. Beberapa masalah telah dikenalpasti mengenai pengisian maklumat deklarasi dengan keadaan sebelum ini dan pihak Jabatan telah merancang dan melaksanakan projek ini dengan beberapa kaedah sumber dan teknologi serta inovasi dalam mencapai objektif yang dihasratkan.

Selain itu impak dan hasil telah diperolehi setelah pelaksanaan projek dan perancangan masa hadapan bagi sistem E-Arrival Card telah pun dinyatakan dalam kertas projek ini. Ianya juga termasuk cabaran – cabaran pelaksanaan dan kemampuan projek secara berterusan mengikut perubahan semasa ke semasa.





1. **“INVENTORY MANAGEMENT SYSTEM”**

Kumpulan “UPDT”

Unit Pengurusan Data dan Teknologi, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan

**AHLI-AHLI**

Dayang Hj Maria Binti Abdullah @Lee Choi Nyuk, Ketua Unit Pengurusan Data dan Teknologi  
Awang Muhammad Aizat Safwan Bin Rosali, Pembantu Teknik Kanan  
Dayang Hj Haryani Binti Hj Duraman, Pembantu Teknik Kanan  
Dayang Masniah Binti Hj Lamat, Ketua Pembantu Teknik  
Dayang Nuramalina Binti Awang Zali, Pembantu Teknik Kanan  
Dayang Marlina Binti Haji Mahit, Pembantu Teknik

**SINOPSIS**

Pengurusan dan Pentadbiran Islam hendaklah berdasarkan sesuatu yang menjamin kebaikan dan mengelak keburukan. Maqasid Syariah bermaksud tujuan, makna dan hikmah yang ditetapkan oleh syarak dalam hukum-hukum yang disyariatkan dengan bertujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia bagi perkara yang menyentuh aspek pemeliharaan agama, kehidupan, akal pemikiran, zuriat keturunan dan harta. Kepentingan dan peranan Maqasid Syariah tidak terhad kepada penentuan dalam sesuatu permasalahan hukum, bahkan penggunaannya adalah lebih meluas untuk diaplikasikan dalam sistem pembangunan sesebuah negara Islam dalam usaha untuk memastikan inisiatif yang dirancang berkaitan dengan sosial, ekonomi pendidikan dan politik selari dengan tuntutan dan lunas-lunas Islam. Sehubungan dengan ini, Unit Pengurusan data dan Teknologi telah melaksanakan Sistem Pengurusan Inventori (IMS) dengan objektif untuk memantau semua data aset inventori ke dalam satu sistem dan menguruskannya dengan lebih berkesan dan memastikan peralatan IT tersebut digunapakai sepenuhnya terutama untuk kemashalatan Pemimpin Sekolah, guru-guru dan pelajar-pelajar. Usaha ini selaras dengan Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan, dengan visi “Pendidikan Berkualiti melalui Transformasi Digital” yang berfungsi sebagai peta jalan dalam melaksanakan inisiatif transformasi digital di seluruh kementerian, terutama dalam pengajaran dan pembelajaran dan penyampaian perkhidmatan awam. Justeru itu, Sistem Pengurusan Inventori (IMS) telah membantu meningkatkan penggunaan teknologi di Sekolah-Sekolah dan meningkatkan kemahiran abad 21 (Literacy digital 21st century skills) Pelajar-Pelajar. IMS juga membantu pihak Jabatan untuk mengenalpasti, memantau dan menangani isu kerosakan dan kehilangan peralatan/peranti dengan lebih cepat, tepat dan efisien dan sekaligus telah meningkatkan perkhidmatan Jabatan yang menyumbang kepada mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan *Ease of Doing Business* dengan pihak-pihak yang berkepentingan.



2. **“EPIC LEADERS INNOVATING AND TRANSFORMING EDUCATION (ELITE)”**

Kumpulan “Na’sihun”

Unit Kluster 2, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan

**AHLI-AHLI**

Dayang Hjh Sarifah Binti Hj Matsawali, Penolong Pengarah  
Dayang Mazleyati Binti Hj Ramlee, Pegawai Pelajaran Kanan  
Dayangku Suryani Binti Pg Hj Md Yasin, Pegawai Pendidikan  
Pengiran Irdawati Binti Pg Hj Sulaiman, Pegawai Pendidikan Tingkat Khas  
Awang Hj Azhar Bin Hamzah/Akob, Pegawai Pendidikan  
Awang Abdul Rani Bin Hj Saman, Pegawai Pendidikan

**SINOPSIS**

EPIC (Executive Professional Intellectual Collaboration) platform was initiated to bring school leaders together learning and engaging experience by using interactions and collaborative learning for a variety of purposes, like professional development, academic education, and informal skill-building. It is a social learning platform that engage one another, share experiences, and ask questions, leading to a more efficient onboarding process. Every year, this platform has a theme that captures the current needs of our education. This year itself, EPIC aims to enhance the leadership competencies of middle leaders in schools through a structured immersion experience.

The EPIC Leaders Innovating and Transforming Education (ELITE) Immersion Program (EIP) is designed to provide middle leaders with practical, real-world experience aligned with their leadership roles. The program’s primary objective is to build a robust middle leadership tier that can drive school improvements and elevate educational outcomes. Key performance indicators include 100% participation from registered middle leaders and principal mentors, fostering a systematic approach to leadership development during induction phases.

The 2024 theme, "Stronger Middle, Stronger School," emphasizes the role of middle leaders in educational innovation. The program is structured around four themes: directionality, experimentation, demand articulation, and policy coordination. These themes support the development of interests and capabilities among middle leaders, enhance networks, and improve school environments. The program anticipates several positive impacts: improved leadership and decision-making skills among middle leaders, enhanced communication and collaboration within schools, significant positive effects on student outcomes and stakeholder satisfaction, development of middle leaders capable of transformational leadership, improved student achievements, and a positive shift in school culture. Additionally, increased stakeholder satisfaction will reinforce the school's reputation and community engagement.

Data analysis over recent years indicates a strong correlation between well-developed middle management and improved student outcomes. Surveys and comparative studies confirm that schools investing in middle leader development consistently outperform others in student achievement and stakeholder satisfaction. The ELITE Immersion Program is crucial for advancing



## SINOPSIS KERTAS PROJEK ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP) 2024

educational excellence. By equipping middle leaders with the necessary skills and experiences, the programme aims to foster leadership that inspires and drives positive change within schools, ultimately benefiting students and the broader school community.



### 3. “TRANSFORMASI PENDIDIKAN KEARAH MENINGKATKAN PROFESIONALISME DAN KUALITI GURU”

Kumpulan “SR Team” (Selection Recruitment Team)  
Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan

#### AHLI-AHLI

Dayang Noraqilah Binti Abdul Rahman, Pegawai Pelajaran Kanan  
Dayangku Hjh Hamidah Binti Pg Hj Ahmad, Pegawai Pelajaran  
Dayang Khairani Binti Haji Matusin, Pengajar Teknik Kanan  
Awangku Edy Irman Bin Pg Hj Tahir, Pegawai Pendidik  
Dayang Nur Hermah Wasimah Binti Abdullah Sebi, Penolong Pegawai Kakitangan  
Awang Sukri Hadafi Serudin Bin Haji Yahya, Guru

#### SINOPSIS

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik telah melaksanakan Transformasi Pengurusan Sumber Tenaga Manusia bermula pada Tahun 2019 dimana ianya bertujuan bagi melahirkan kapasiti sumber tenaga manusia yang berpendidikan tinggi, dinamik, produktif, kompetitif, inovatif dan profesional. Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan dalam Transformasi ini adalah **Proses Pemilihan dan Pengambilan Tenaga Pengajar baharu melalui Program Immersi dan Program Perantis**. Melalui proses pemilihan dan pengambilan ini, adalah diharapkan keperluan penggantian tenaga pengajar di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan enam adalah lebih terancang berdasarkan analisa keperluan subjek dan pengisian jawatan kosong melalui *human resource projection*.

Inisiatif pelaksanaan ini telahpun mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui warkah rujukan HHPo 77/1981/IV bertarikh 21 September 2019 yang telah disembahmaklumkan pada 23 Zulhijjah 1440 bersamaan dengan 23 Ogos 2019, dan juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Guru ke-29 pada 23 September 2019, dimana telah memperkenankan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan pembaharuan terhadap Proses Pemilihan dan Pengambilan Tenaga Pengajar.

Melalui proses pembaharuan ini, pemohon-pemohon akan melalui proses pemilihan yang lebih rapi, ketat, telus, efisien dan sistematik dalam menghasilkan sumber tenaga manusia khususnya

## SINOPSIS KERTAS PROJEK ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP) 2024

tenaga pengajar yang berkualiti dan berkelayakan. Mereka yang berjaya menempuhi dan melepasi semua penilaian saringan adalah yang benar-benar berkelayakan, menterampirkan kewibawaan, memiliki potensi ciri-ciri guru cemerlang serta mencapai kriteria-kriteria dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.



### 4. "SISTEM PENGURUSAN RECIPROCAL BORROWING SCHEME"

Kumpulan "Pustakawan"

Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan

#### AHLI-AHLI

Awang Mohammad Suhimi Bin Mohd Salleh, Pustakawan

Awang Haji Abdul Aziz Bin Haji Adanan, Pustakawan

Awang Amirul Shahezel Bin Haji Abd Rahman, Pustakawan

Pengiran Khairunnadiah Binti Pengiran Kamaruddin, Pembantu Perpustakaan Tingkat II

#### SINOPSIS

Sistem Pengurusan Reciprocal Borrowing Scheme (RBS) adalah inisiatif kolaboratif antara Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan institusi pengajian tinggi lain seperti UNISSA, UTB, KUPU SB, PB, dan IBTE. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk menyediakan sistem yang lebih mudah, efisien, dan mesra pengguna bagi pendaftaran serta penggunaan RBS.

Inisiatif ini bertujuan meningkatkan pendaftaran ahli RBS baru dan penggunaan akses kepada bahan sumber perpustakaan melalui peminjaman antara perpustakaan. Selain itu, ia juga mengoptimumkan penggunaan akses kepada bahan bacaan dalam talian dan pangkalan data yang disediakan.

Sistem Pengurusan RBS adalah pendekatan strategik untuk memperluaskan akses kepada sumber-sumber perpustakaan serta menggalakkan kerjasama antara perpustakaan. Dengan memanfaatkan sumber yang dikongsi dan memudahkan proses pendaftaran dan pelepasan, diharap inisiatif ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak, mempromosikan pembelajaran yang lebih inklusif dan penuh dengan kepelbagaian sumber maklumat yang berterusan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI



1. **“POSLAJU MEDICINE: REVOLUSI PERKHIDMATAN POS KEPADA ORANG RAMAI”**  
Kumpulan “Poslaju Medicine”  
Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

**AHLI-AHLI**

Dr Rosdi Bin Haji Abdul Aziz, Pemangku Ketua Pos Agung  
Awang Haji Shahrin Bin Haji Ibrahim, Pengawal Pos  
Awang Haji Mohammad Fouzi Bin Haji Abdullah, Ketua Penguasa Pos  
Dayang Lim Ling Khim, Penguasa Pos  
Dayang Zuraliza Binti Jumat, Penguasa Pos

**SINOPSIS**

Poslaju Medicine merupakan sebuah projek inovatif dari Jabatan Perkhidmatan Pos. Perkhidmatan baru ini membolehkan orang ramai memesan ubat melalui aplikasi mudah alih, QueUP, dan dihantar terus ke rumah mereka. Inisiatif ini menangani keperluan kritikal, termasuk meningkatkan akses orang ramai kepada perkhidmatan jabatan, memodenkan perkhidmatan pos, dan mencipta aliran hasil baru untuk kemampanan dan pertumbuhan.

Projek ini merupakan usaha kerjasama yang melibatkan Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Rhymin & Partners, dan Alif Tecnology. Objektif utama projek ini adalah untuk menyediakan platform digital yang membolehkan orang ramai memesan ubat dalam talian dengan akses 24/7, memperkemas operasi jabatan, meningkatkan hasil kerajaan melalui penawaran perkhidmatan yang lebih inovatif dan memenuhi kepuasan hati pelanggan yang dengan secara tidak langsung menaikkan imej jabatan.

Ciri-ciri utama Poslaju Medicine termasuklah memberikan kemudahan membuat pesanan dengan aplikasi QueUP dan berupaya menjejakinya dengan lancar dengan pemantauan dan kelulusan melalui dashboard berasaskan web untuk kedua-dua Unit Poslaju Medicine dan Unit Farmasi. Selain itu, pembayaran perkhidmatan secara atas talian (online banking) serta sokongan pelanggan yang komprehensif melalui Pusat Perkhidmatan Pelanggan.

Sejak penubuhannya, Poslaju Medicine telah mencapai pencapaian penting seperti 100% automasi proses pesanan. Permintaan yang konsisten dengan minimum 60 tempahan sebulan serta peningkatan 20% dalam hasil jabatan dari tahun sebelumnya. Tambahan itu, pencapaian 90% kadar kepuasan pelanggan.

Rancangan masa depan adalah termasuk memperluaskan perkhidmatan ke seluruh negara. Dengan menggabungkan teknologi canggih dan perkongsian strategik serta pendekatan yang mementingkan pelanggan, Projek Poslaju Medicine akan memantapkan kualiti untuk inovasi di dalam perkhidmatan awam.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN



1. "APLIKASI MENGALINGA"

Kumpulan "Bertindak Aplikasi Mengalinga"  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**AHLI-AHLI**

Dayang Hajah Noor Maslina Binti Haji Sulaiman, Ketua Pegawai Belia dan Sukan (Belia)  
Dayang Umi Faizura Binti Haji Ismail, Penganalisa Sistem Kanan  
Dayang Hajah Normie Haryanti Binti Hj Ramli, Pegawai Projek  
Awang Muhd Amirul Syazmie Bin Ibrahim, Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan  
Syed Abdul Mu'iz Bin Haji Syed Anayatullah Shah, Pegawai Belia dan Sukan  
Dayang Norulhoda Binti Muhammad Iskandar, Pengawas Pergerakan-Pergerakan Belia dan Sukan  
Dayang Hjh Mardiana Binti Haji Rosmi, Jurutera Sistem  
Awang Abdul Muiz Bin Haji Abd Manan, Jurutera Sistem  
Awang Aminuddin Bin Haji Abdul Ghaffar, Jurutera Sistem

**SINOPSIS**

Pada 7 Ogos 2021, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melancarkan aplikasi Mengalinga di Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-16, Tahun 2021. Dalam merealisasikan hasrat ke arah membina sebuah negara pintar (smart nation) yang inklusif, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama rakan strategik, Baiduri Bank membangun inisiatif digital bagi pembangunan masyarakat termasuk pemeraksanaan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan.

Aplikasi ini menyediakan platform yang menghubungkan individu yang berminat untuk menyertai aktiviti kesukarelawanan dengan organisasi yang menawarkan peluang tersebut. Ia bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat terlibat dalam sukarelawan, membantu organisasi mentadbir dan menyelaras sukarelawan dengan lebih efisien, dan memupuk budaya perpaduan di kalangan masyarakat Brunei.

Pembangunan aplikasi ini selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035. Aplikasi ini memanfaatkan teknologi digital, termasuk penggunaan AI untuk meningkatkan keberkesanan dan pengalaman pengguna, serta memperkenalkan elemen-elemen menarik untuk meningkatkan penyertaan. Walaupun menghadapi beberapa cabaran, seperti penglibatan rendah dan kekurangan data terperinci, projek ini telah menunjukkan impak yang signifikan terhadap individu, organisasi, masyarakat, dan negara. Sejak ianya dilancarkan, aplikasi ini telah dimuat turun sebanyak 8,689 kali manakala 4444 orang individu telah direkodkan mendaftar (*sign up*) dan sebanyak 158 buah organisasi didaftarkan di dalam aplikasi tersebut setakat 28 Jun 2024.



2. **“PENUBUHAN TALIAN A.N.A.K. 121 (ANAK NEGARA ASET KITANI)”**

Kumpulan “CCJ (Call Centre Japem)”

Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**AHLI-AHLI**

Dayang Norzaridah Binti Haji Zainal, Pegawai Pembangunan Masyarakat  
Awang Mohamad Zamri Bin Haji Barudin, Jurupandu Kelas B  
Dayang Hamizah Binti Matali, Pekerja Tingkat II

**SINOPSIS**

Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) merupakan salah sebuah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk memeduli kebajikan dan kesejahteraan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Di atas dasar keprihatinan kerajaan untuk meningkatkan akses perkhidmatan sosial kepada golongan yang terdedah di negara ini, khususnya bagi kanak-kanak, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Telekom Brunei Berhad (TelBru) atau sekarang dikenali sebagai Imagine Sdn. Bhd, telah menubuhkan ‘Talian ANAK 121’ pada 1 Oktober 2019.

Inisiatif Talian ANAK 121 adalah selaras dengan strategi dan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan sosial kepada kanak-kanak seperti terkandung dalam Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak, melalui Jawatankuasa Khas Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Tidak dinafikan bahawa antara cabaran yang dihadapi di negara ini adalah peningkatan kes penderaan kanak-kanak. Menurut statistik yang diperolehi daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, sebelum penubuhan Talian ANAK dalam tahun 2019, jumlah kes penderaan kanak-kanak telah meningkat sebanyak 23% sejak tahun 2014 sehingga tahun 2018 iaitu dari 43 kes ke 56 kes. Ini amatlah membimbangkan, dan adalah penting bagi memastikan kesejahteraan golongan kanak-kanak, agar mereka akan dapat hidup dalam suasana yang kondusif untuk mencapai potensi masing-masing sebagai aset Negara masa hadapan.

Talian ini dinamakan Talian ANAK 121 dimana perkataan ANAK adalah akronim bagi *Anak Negara Aset Kitani*, yang mana moto Talian adalah **“Kami Mendengar”**, untuk menekankan kepada kanak-kanak bahawa melalui perkhidmatan ini, ada orang bersedia untuk mendengar permasalahan dan memberikan bantuan yang sewajarnya bagi masalah yang dihadapi.

Antara lain, objektif penubuhan talian ini ialah untuk meningkatkan sistem perlindungan bagi kanak-kanak daripada penderaan, pengabaian dan eksploitasi serta untuk menyediakan saluran komunikasi yang khusus bagi kegunaan kanak-kanak yang mungkin berada dalam kesusahan

#### **SINOPSIS KERTAS PROJEK ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP) 2024**

serta memerlukan penjagaan dan perlindungan daripada penderaan ibu, bapa atau penjaga, penyalahgunaan dadah, buli, rasa bunuh diri atau kesulitan dalam keluarga.

Talian ini beroperasi mulai **2 Oktober 2019**, dan dikendalikan oleh ejen panggilan atau pekerja sosial yang telah menjalani latihan kursus asas kaunseling untuk berinteraksi dengan kanak-kanak melalui telefon dan mereka ini akan menjalani latihan berterusan berdasarkan *risk assessment* dari masa ke semasa untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh pemanggil.

Disamping Talian ANAK 121, JAPEM juga telah mengendalikan Talian Kebajikan 141 sejak **Julai 2006** yang mana digunakan bagi orang ramai membuat panggilan dan melaporkan kes pengabaian, eksploitasi, masalah keluarga dan juga memohon bantuan kebajikan, perlindungan dan kaunseling.

Melalui penubuhan Talian ANAK 121 ia bukan sahaja dapat menyediakan *platform* untuk golongan kanak-kanak membuat panggilan, tetapi melalui penubuhan sebuah Pusat Panggilan yang dilengkapi sistem yang menyeluruh, ia telah memberikan impak yang besar terhadap pihak jabatan dan juga kepada orang ramai.

Pengintegrasian Talian Kebajikan 141 ke dalam sistem pusat panggilan yang ditubuhkan bagi Talian ANAK 121 juga telah memantapkan lagi perkhidmatan yang disampaikan kepada orang ramai dalam melaporkan kes pengabaian, eksploitasi, masalah keluarga, memohon bantuan kebajikan, perlindungan dan kaunseling yang dikendalikan oleh JAPEM sejak Julai 2006. Setentunya, Talian ANAK 121 adalah nilai tambah kepada perkhidmatan Talian Kebajikan 141.